

18/06/1998

Elak cetuskan kegawatan politik

HARI ini, Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno mengadakan perhimpunan agung masing-masing, sehari sebelum Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari bermula esok. Ramai pemerhati politik meramalkan Perhimpunan Pergerakan Pemuda Umno kali ini agak berbeza daripada persidangan lalu berikutan beberapa isu 'panas' yang dibangkitkan oleh ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi. Isu itu bukan saja menjadi topik perbincangan ahli Umno malah heboh diperdebatkan di luar gelanggang parti itu. Bagi perhimpunan agung Wanita, ia tidak mempunyai isu khusus yang dibincangkan, selain isu ekonomi kesan kegawatan ekonomi. Oleh itu, tumpuan yang diberikan kepada perhimpunan Wanita Umno agak kurang, walaupun ia tidak kurang pentingnya dalam konteks semasa.

Berkisar kepada senario hari ini, pelbagai ramalan dibuat mengenai pendirian Pergerakan Pemuda Umno berhubung isu yang dibangkitkan oleh Zahid baru-baru ini yang menimbulkan pelbagai reaksi, terutamanya kenyataan beliau mengenai nepotisme ekonomi dan kronisme. Namun, disebabkan tidak ada pertandingan bagi pemilihan kepemimpinan dalam persidangan kali ini, bolehlah dianggap isu yang dibangkitkan dalam tempoh beberapa hari ini, tidak menjurus kepada sebarang matlamat untuk meraih undi. Ia lebih kepada perbincangan mengenai isu semasa iaitu isu ekonomi dikaitkan dengan isu politik. Namun, setelah Zahid mengocak suasana, beliau tidak dapat lari daripada kecaman disebabkan kenyataannya itu ditafsirkan menyentuh soal kepemimpinan parti dan negara. Walaupun ada pihak yang memuji sikap Zahid, kita tidak pasti sama ada ia bermatlamatkan untuk memanasakan suasana atau terbit daripada rasa simpati.

Seandainya Zahid menganggap beliau bertanggungjawab terhadap kenyataan yang dibuatnya berhubung beberapa isu yang dibangkitkan, maka beliau juga bertanggungjawab untuk membetulkan keadaan. Sebaliknya, jika beliau jelas dengan kenyataannya, atas kedudukannya sebagai pemimpin generasi muda, beliau berhak mempertahankan pandangannya dan menerima apa juga risiko politik.

Apa yang nyata, jika Zahid menganggap kenyataannya menimbulkan kekeliruan, maka adalah menjadi tugasnya untuk membetulkan keadaan. Kita tidak mahu beliau melepaskan isu itu ibarat 'gantungan tidak bertali' kerana ia hanya akan menimbulkan banyak tanda-tanda baru, seterusnya mewujudkan pelbagai spekulasi yang tidak sihat. Ia tidak membawa sebarang kebaikan terutamanya dalam keadaan negara yang memerlukan sokongan padu semua pihak. Berasaskan kepada kenyataannya kelmarin, kita tidak mempersoalkan sokongan Zahid kepada pucuk pimpinan Umno dan negara yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sebagaimana ditegaskannya, beliau tidak berniat mengkritik pemimpin. Namun, apa yang berlaku kenyataan terbaru Zahid ini juga ditafsirkan dengan pelbagai makna. Ada yang mungkin mengatakan kenyataannya itu sebagai jalan untuk membersihkan diri dan bermacam lagi andaian politik. Kita tidak nampak masalah seperti ini akan selesai selagi keghairahan mentafsir kenyataan politik dilakukan oleh manusia yang berbeza kepentingan. Namun, kita serahkan kepada ahli parti dan orang ramai untuk menilainya. Pada kita Zahid seharusnya mengambil kesempatan dalam perhimpunan Pergerakan Pemuda ini untuk menjernihkan semula kekerohan. Beliau perlu berterus terang dengan perwakilan Pergerakan Pemuda mengenai sikapnya terhadap isu yang diketengangkannya.

Pada kita apa yang berlaku hari ini adalah reaksi daripada kegawatan

ekonomi yang mendorong setiap pihak berasa mereka bertanggungjawab untuk membantu kerajaan memperbaiki keadaan. Dalam proses ini, maka terlihatlah ruang kosong yang dianggap menjadi antara punca berlakunya kegawatan. Apabila ia dikupas dan diulas, maka berlakulah percubaan untuk melihat kesalahan yang dilakukan oleh pihak lain.

Isu pokok yang sepatutnya diberi tumpuan hari ini ialah soal reformasi, dengan matlamat membetulkan sebarang kesilapan, jika ada. Tidak ada pihak yang mungkin tersinggung jika isu reformasi ini diperjuangkan kerana ia sendiri menjadi perjuangan Umno. Ketika Umno membersihkan gejala politik wang, ia adalah satu reformasi. Hari ini jika kita bercakap bahawa sistem pemberian tender yang diamalkan sekarang tidak lagi sesuai, maka satu cara baru perlulah diambil. Ia juga adalah satu reformasi. Oleh itu, soal Umno perlu bertegang leher, dapat dielakkan. Kita tidak mahu kegawatan ekonomi yang kita alami mencetuskan pula kegawatan politik. Kita yakin, masalah ini akan dapat diselesaikan dengan baik kerana yakin tidak ada orang Melayu sanggup melihat Umno berpecah-belah.

(END)